



Untuk Terbitan Media

21 Mac 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **PERKESO SALUR RM241,000 KEPADA TIGA PENERIMA FAEDAH PENCEN PENAKAT**

### **ALERT: PELANCARAN PROGRAM MAHABBAH RAMADAN @ SOCIAL SYNERGY 2024**

**KUALA LUMPUR:** Seramai tiga Orang Tanggungan (OT) menerima Faedah Pencen Penakat daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang mencecah jumlah RM241,000 pada Program Mahabbah Ramadan@Social Synergy 2024 di Masjid Ar-Rahimah, Kampung Pandan, Kuala Lumpur, hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, bayaran faedah yang disampaikan merangkumi tiga OT yang layak menerima faedah PERKESO hasil perkongsian data dan maklumat penerima asnaf di sekitar kariah Kampung Pandan oleh Pengurusan Jawatankuasa Masjid Ar-Rahimah, Desa Pandan Kuala Lumpur.

"Penerima faedah ini sebenarnya layak menerima perlindungan PERKESO namun tidak pernah melakukan sebarang permohonan disebabkan beberapa faktor terutamanya kekurangan kesedaran serta pengetahuan berkenaan dengan skim perlindungan yang disediakan dan merasakan tidak layak mendapat manfaat PERKESO berikut telah menerima bantuan daripada agensi kebajikan yang lain.

"Justeru, kami berharap agar lebih banyak agensi tampil untuk menjalin kerjasama dan menjadi rakan sinergi, demi meningkatkan keberkesanan penyaluran faedah serta memastikan capaian yang menyeluruh.

"PERKESO adalah badan berkanun yang diasingkan bagi menyelia aspek perlindungan insuran sosial, tidak timbul isu pertindihan manfaat, seandainya waris sudah memperoleh faedah daripada institusi zakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), badan awam, korporat atau swasta yang lain," kata beliau semasa berucap dalam Program Mahabbah Ramadan@Social Synergy di sini hari ini.

PERKESO turut menyantuni seorang lagi OT yang kehilangan suaminya akibat kemalangan jalan raya, hasil kerjasama erat antara PERKESO dan Sekolah Kebangsaan (SK) Desa Pandan Kuala Lumpur dalam menyalurkan informasi menerusi inisiatif pengurusan sekolah yang melantik 'Pengawas Skuad Prihatin' dalam kalangan pelajar agar bantuan sewajarnya dapat disalurkan oleh PERKESO serta agensi berkaitan dalam Program *Social Synergy* dengan lebih tepat dan pantas.

SK Desa Pandan turut diumumkan sebagai sekolah angkat PERKESO menerusi program *social synergy* sekali gus menjadi sekolah perintis sebelum diperluas kepada sekolah lain dalam mendidik kepentingan keselamatan sosial bermula di bangku sekolah.

Dr. Mohammed Azman juga menjelaskan penubuhan Skuad PERKESO Prihatin dan Program *Social Synergy* adalah bertujuan bagi meningkatkan lagi keberkesan sistem penyampaian perkhidmatan bagi tujuan penyaluran faedah dengan lebih proaktif dan sistematik hasil makluman daripada lebih 385 rakan strategik Program *Social Synergy* dan Sahabat PERKESO Prihatin.

Program Mahabbah Ramadan@Social Synergy yang dianjurkan adalah sebahagian tanggungjawab sosial korporat (CSR) pertubuhan ini dalam mengeratkan lagi hubungan dengan komuniti setempat yang dianjurkan setiap tahun bagi mengeratkan ukhuwah PERKESO dengan para penerima faedah, terutamanya mereka yang telah kehilangan orang tersayang.

Selain tiga penerima faedah yang tercicir serta seorang penerima faedah baharu, 16 penerima faedah sedia ada di kariah berkenaan turut diberikan sumbangan berupa kotak prihatin dan bantuan tunai hasil kolaborasi PERKESO bersama rakan strategik Bank Muamalat Malaysia Berhad yang menyalurkan sumbangan menerusi Tabung Prihatin PERKESO.

Sumbangan tunai juga turut diberikan kepada Masjid Ar-Rahimah Kampung Pandan dan SK Desa Pandan Kuala Lumpur bagi mengisi 'gerobok rezeki' untuk kegunaan asnaf dan golongan fakir miskin di kawasan berkenaan.

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**21 Mac 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Mohd Wazid Zaidon**

**+6017-619 3181**

**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**

